

22 SEP 1999

MAHATHIR-CUKAI

DR M: PENURUNAN CUKAI PERLIHAT MALAYSIA FLEKSIBEL

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini cukai kadar seragam sebanyak 10 peratus ke atas keuntungan yang dihantar pulang seperti yang diumumkan semalam menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia bersikap fleksibel dalam menangani masalah pelabur.

Kerajaan sememangnya mendengar masalah pelabur, katanya, sambil menambah bahawa ia sedar tentang kerumitan dan kerugian malah juga sekatan-sekatan lain yang menghalang pelabur-pelabur daripada melaburkan wang mereka di negara ini.

Menurut Mahathir, kerajaan telah memberi tindak balas kepada permintaan oleh pelabur-pelabur supaya diadakan perubahan.

"Kita (kerajaan) kata, boleh jika perubahan itu tidak memudaratkan kita," katanya.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan bersikap mesra perniagaan dan berpegang kepada Konsep Persyarikatan Malaysia.

"Ini bererti bahawa kerajaan harus duduk bersama sektor swasta dan mendengar masalah mereka," katanya dalam satu dialog sebelum pelancaran Persidangan dan Pameran Multimedia Asia 1999 di sini hari ini.

Kata beliau jika sektor swasta mempunyai idea yang baik, kerajaan sedia mendengar cadangan mereka.

Ini merupakan reputasi yang dinikmati oleh Malaysia di kalangan pelabur-pelabur asing dan itulah sebabnya mereka datang ke mari untuk melabur, katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan tidak akan membuat perubahan mendadak, melainkan jika ada orang mengenakan "sesuatu yang baru di bumi ini yang memudaratkan kita."

Katanya: "Sebagai contoh, kita agak berpuas hati ringgit kita diniagakan secara bebas tetapi ada orang menyalah gunakan keistimewaan itu.

"Ini mendorong kerajaan memelindunginya tetapi tanpa memudaratkan orang lain.

"Seperti yang anda dapat lihat, ia (penetapan ringgit) tidak memudaratkan orang lain dan itulah sebabnya wang masih mengalir masuk ke dalam ekonomi ini dan pelabur-pelabur masih melabur di Malaysia," tambah beliau.

Beliau berkata malah pelabur-pelabur melabur dalam pasaran saham kerana mereka tahu bahawa kerajaan tidak akan berbuat sesuatu bagi membalas dendam ataupun disebabkan oleh pegangan ideologi. -- BERNAMA

RIZ KY OS